

Oleh Redzuan
Muharam

redzuan.muharam@hmetro.com.my

GAJAH AGRESIF, 'NAIK MINYAK'

Tidak sama ikut jantina

Kuala Lumpur

Punca yang mencetuskan gajah menjadi agresif atau 'naik minyak' tidak sama mengikut jantina haiwan berkenaan.

Pensyarah Kanan Pengurusan Hidupan Liar, Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Tengku Rinalfi Putra Tengku Azizan berkata, daripada sudut fisiologi semula jadi gajah jantan, terdapat peningkatan perembesan hormon testosteron secara berkala iaitu setahun sekali antara satu hingga dua bulan terutama apabila mencapai umur 15 tahun ke atas.

"Jadi perembesan hormon itu berkemungkinan

akan meningkatkan perlakuan agresif yang boleh berlaku antara haiwan dengan haiwan atau haiwan dengan manusia.

"Keadaan ini dipanggil *musth* apabila akan kelihatan perembesan cecair dari kelenjar temporal (di sisi kedua-dua belah kening), peningkatan saiz badan, perlakuan menderam dan peningkatan kekerapan urinasi.

"Ia adalah keadaan semula jadi dalam perlakuan pembiakan gajah manakala bagi gajah betina, kebanyakan perlakuan agresif pula bersifat melindungi kumpulan dan anak apabila ter-

dapat ancaman," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Dr Tengku Rinalfi Putra berkata, ancaman itu ada ketikanya dalam bentuk yang tidak difahami manusia, sekali gus menimbulkan anggapan gajah 'naik minyak'.

Katanya, gajah jantan muda misalnya memang sering bertindak agresif dan sesiapa saja boleh menjadi mangsa jika berada di tempat dan masa yang salah.

Menurutnya, kadar konflik gajah dengan manusia juga menunjukkan trend meningkat dan ia disebabkan



DR Tengku Rinalfi

kan beberapa perkara.

"Ia termasuk penerokaan kawasan habitat (termasuk

hutan sekunder yang hampir matang), adaptasi pemakanan gajah kepada sumber daripada aktiviti manusia dan peluasan tapak ekologi manusia (*ecological footprint*) yang melangkaui batas sedia ada akibat urbanisasi dan peningkatan populasi manusia.

"Konflik berlaku akibat perebutan sumber, ruang dan masa antara manusia dan haiwan.

"Perebutan itu berpunca daripada peningkatan tapak ekologi manusia yang semakin melangkaui batas tradisional dan ia membawa kesan mudarat dari segi

pertindihan kawasan, sumber serta masa," katanya.

Beliau berkata, perlakuan gajah ketika bertindak agresif masih belum difahami dan selalunya tidak dapat dijangka.

Justeru, Dr Tengku Rinalfi Putra menasihatkan orang ramai untuk berhati-hati dengan mengelak daripada bertembung dengan gajah terutama di kawasan sumber makanan dan perlindungannya.

"Elakkan juga daripada mencerobohi habitat gajah dan beredar sekiranya bertemu haiwan itu ketika mencari sumber makanan," katanya.